


KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 23 MAC 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Hari Meteorologi Sedunia 2015	Utusan Malaysia
2.	Pusaran puting beliung ancam Malaysia	Kosmo
3.	Hantar pakar latih ramal puting beliung	Harian Metro
4.	Malaysia sedia hadapi fenomena puting beliung	Sinar Harian
5.	Kepentingan memahami iklim dunia	Utusan Malaysia
6.	Semua negeri kecuali Sabah hujan April	Berita Harian
7.	Didik masyarakat utamakan budaya kualiti	Berita Harian
8.	Penerokaan teknologi angkasa : Acuan Malaysia	Utusan Malaysia

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 10
TARIKH: 23 MAC 2015 (ISNIN)



HARI METEOROLOGI SEDUNIA 2015



Pelancaran myCuaca

"Hari Meteorologi Sedunia disambut oleh semua warga meteorologi di seluruh dunia termasuk Malaysia pada 23 Mac setiap tahun sejak tahun 1961. Tema tahun 2015, *Iklm: Pengetahuan untuk Tindakan*, amat sesuai memandangkan dunia mengalami banyak kejadian cuaca ekstrem kebelakangan ini berikutan fenomena perubahan dan keragaman iklim."

YB DATUK DR. EWON EBIN
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Pusaran puting beliung ancam Malaysia

Perubahan iklim dan pemanasan global punca lapan kejadian puting beliung berlaku tahun lalu

PERUBAHAN iklim dan pemanasan global mula memberi kesan terhadap Malaysia apabila negara ini terpaksa bersiap sedia menghadapi fenomena puting beliung yang boleh melanda pada bila-bila masa.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail (gambar) menegaskan, pihaknya memandang serius lebih lapan kejadian puting beliung atau belalai air yang berlaku di negara ini pada tahun lalu, masing-masing



empat di darat dan empat di laut.

"Puting beliung amat jarang terjadi di negara kita tetapi ia berlaku pada tahun lalu dan kita tidak mempunyai

kepakaran untuk meramalkan bila fenomena itu akan berulang," katanya kepada *Bernama* di Putrajaya semalam sempena sambutan Hari Meteorologi Sedunia 2015 yang disambut hari ini.

Sehubungan itu, pihaknya akan mendapatkan bantuan pakar dari Jepun dan Amerika Syarikat untuk



AHLI Dewan Undangan Negeri Hulu Kinta, Datuk Aminuddin Md. Hanafiah (tengah) meninjau tempat letak kereta di kuarters Briged Utara Pasukan Gerakan Am Ulu Kinta, Ipoh, Perak yang musnah dilanda ribut kelmarin.

mencari kaedah terbaik bagi meramalkan kejadian puting beliung di negara ini dengan lebih berkesan.

BERITA DI MUKA 2



BEGINILAH puting beliung setinggi bangunan empat tingkat yang melanda Kampung Alor Besar di Pendang, Kedah tahun lalu.



RUMAH penduduk Kampung Parit Air Hitam di Bagan Serai, Perak musnah akibat dilanda puting beliung tahun lalu.

SAMBUNGAN...
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 02
TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)

Kedah, Perlis antara negeri paling terdedah kepada belalai air berkelajuan cecah 120km/j

Puting beliung badai Malaysia

KUALA LUMPUR - Penduduk Malaysia terutamanya di kawasan utara Semenanjung tanah air kini perlu bersiap sedia berdepan pusaran puting beliung yang mungkin melanda negara lebih kerap dan ganas dengan kelajuan angin sehingga 120 kilometer sejam (km/j).



pegawai ke Amerika Syarikat (AS) yang mempunyai ramai pakar, pengalaman serta peralatan canggih berkaitan puting beliung," jelasnya.

Dalam pada itu, **Pakar Geografi dan Kajian Iklim Bandar, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),**

Prof. Datuk Dr. Shaharuddin Ahmad (gambar kecil) berkata, Malaysia berpotensi mengalami bencana alam puting beliung terutamanya di Kedah dan Perlis berikutan negeri itu berada hampir di kawasan iklim selatan tropika Thailand.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail berkata, negara mengalami lebih lapan kejadian puting beliung tahun lalu, masing-masing empat di darat dan empat di laut yang juga dikenali sebagai belalai air.

Beliau berkata, fenomena puting beliung, ribut petir kuat, taufan dan angin kencang merupakan kesan daripada perubahan iklim serta pemanasan global.

"Sebelum ini puting beliung amat jarang berlaku di negara kita. Tetapi tahun lalu ia kerap berlaku. Kemungkinan ia akan berulang atau sebaliknya tidak boleh diramalkan kerana Malaysia masih belum mempunyai kepakaran meramalkannya," katanya kepada *Bernama* sempena sambutan Hari Meteorologi Sedunia 2015 yang diadakan di Putrajaya hari ini.

Sehubungan itu Che Gayah berkata, MetMalaysia sedang berusaha membawa pakar dari Jepun untuk melatih lebih ramai pegawai cuaca tempatan mengenai kaedah terbaik untuk membuat ramalan tentang puting beliung.

"MetMalaysia juga kemungkinan menghantar

Katanya, dalam keadaan cuaca panas yang berpanjangan banyak haba akan dihasilkan dan mengikut proses edaran umum atmosfera haba akan bergerak ke utara atau selatan Khatulistiwa.

Jelas Shaharuddin, apabila haba tersebut naik dan pergi ke iklim tropika ia akan turun menjadi tekanan udara rendah sekali gus boleh menyebabkan berlaku pusaran angin ataupun puting beliung.

"Oleh itu, melihat pada kedudukan geografi, kawasan yang kemungkinan besar dilanda puting beliung terutamanya di Kedah dan Perlis kerana terletak di utara Khatulistiwa," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Menurut Shaharuddin, bagaimanapun puting beliung yang akan berlaku itu tidak akan sebesar atau se ganas seperti di AS, tetapi masih agak berbahaya kerana mampu mencabut bumbung rumah dan pokok pada kelajuan sekitar 120 km/j.



PUSARAN puting beliung setinggi bangunan empat tingkat dapat dilihat terbentuk sejurus hujan lebat di Pendang, Kedah Oktober tahun lalu.

Peta lokasi kejadian puting beliung dan ribut kencang



"Puting beliung di AS dilihat ganas kerana pertemuan haba yang amat banyak di Lautan Pasifik berbanding kita di Selat Melaka dan Laut Cina Selatan yang tidak berapa luas dan agak terlindung," ujarnya.



KERATAN Kosmo! 14 November 2014.

INFO Kes Puting Beliung Dunia

27 April 2014 - Sekurang-kurangnya 18 orang di negeri Arkansas dan Oklahoma terkorban dalam bencana puting beliung yang melanda selatan dan tengah Amerika Syarikat.

8 November 2013 - Taufan Haiyan, taufan paling kuat di dunia pada tahun 2013 telah melanda Filipina menyebabkan lebih sejuta penduduk melarikan diri dan bekalan elektrik terputus serta memusnahkan banyak rumah.

2 Jun 2013 - Sekurang-kurangnya 14 orang maut, termasuk dua kanak-kanak selepas puting beliung dan banjir kilat melanda beberapa negeri di bahagian tengah Amerika Syarikat.

20 Mei 2013 - Puting beliung yang melanda negeri Oklahoma di Amerika Syarikat menghasilkan tenaga yang jauh lebih kuat daripada bom atom yang digugurkan di Hiroshima, Jepun.

INFO Antara Kejadian Puting Beliung, Ribu di Malaysia

12 November 2014 - 20 buah rumah di Kampung Sungai Nonang, Alor Setar, Kedah rosak dibadai puting beliung.

21 Oktober 2014 - Warga Pendamaran, Klang, Selangor dikejutkan dengan puting beliung yang menerbangkan bumbung dan dinding kediaman.

18 Oktober 2014 - Penduduk tempatan gempar selepas menyaksikan fenomena puting beliung kecil atau dikenali sebagai belalai air berlaku selama 20 minit pada pukul 10 pagi di sekitar pantai Tanjung Kidurong di Bintulu, Sarawak.

18 Oktober 2014 - 10 buah rumah rosak di Kampung Dalam Kota, Alor Setar akibat diterbangkan ribut kuat.

14 Oktober 2014 - Lapan buah rumah rosak teruk di Alor Besar, Pendang akibat puting beliung yang melanda daerah itu.

10 Ogos 2014 - Fenomena belalai air yang berlaku selama kira-kira setengah jam di Pantai Batu 2, Port Dickson, Negeri Sembilan mengejutkan penduduk tempatan.

15 Julai 2014 - Penduduk dan pelancong di sekitar Teluk Cempedak, Kuantan, Pahang dikejutkan dengan belalai air yang berlaku di pesisiran pantai pusat perikanan itu pada pukul 7 pagi.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 11
TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)



Hantar pakar latih ramal puting beliung

Putrajaya: Malaysia yang selama ini tidak pernah mengalami fenomena puting beliung, kini bersiap sedia menghadapinya.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail berkata negara mengalami lapan kejadian puting beliung tahun lalu, masing-masing empat di darat dan empat di laut yang juga dikenali sebagai 'belalai air'.

Beliau berkata, fenomena puting beliung, ribut petir kuat, taufan dan angin kencang adalah kesan daripada perubahan iklim serta pemanasan global.

"Sebelum ini puting beliung amat jarang berlaku di negara kita. Tetapi tahun lalu ia berlaku. Kemungkinan ia

akan berulang atau sebaliknya tidak boleh diramalkan kerana Malaysia masih belum mempunyai kepakaran meramalkannya," katanya sempena sambutan Hari Meteorologi Sedunia 2015 hari ini.

Sehubungan itu Che Gayah berkata, MetMalaysia sedang berusaha membawa pakar dari Jepun untuk melatih lebih ramai pegawai cuaca tempatan mengenai kaedah terbaik untuk membuat ramalan tentang puting beliung.

"MetMalaysia juga kemungkinan akan menghantar pegawai ke Amerika Syarikat yang mempunyai ramai pakar, pengalaman serta peralatan canggih berkaitan puting beliung," jelasnya. BERNAMA



PERAK

ANGIN pusu yang melanda Bagan Serai 3 Januari 2014.



KEDAH

PUTING beliung yang terbentuk di sawah padi di Alor Setar.



SELANGOR

PEMBENTUKAN puting beliung di Sabak Bernam pada 21 Disember 2014.



KEDAH

SEBUAH rumah di Kampung Sungai Nonang, Alor Setar antara 14 kediaman yang musnah dilanda puting beliung.



KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 23 MAC 2015 (ISNIN)

Malaysia sedia hadapi fenomena puting beliung

PUTRAJAYA - Malaysia yang selama ini tidak pernah mengalami fenomena puting beliung, kini bersiap sedia menghadapinya.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Datuk Che Gayah Ismail berkata, negara mengalami lapan kejadian puting beliung tahun lalu, masing-masing empat di darat dan empat di laut yang juga dikenali sebagai 'belalai air'.

Beliau berkata fenomena puting beliung, ribut petir kuat, taufan dan angin kencang merupakan kesan perubahan iklim serta pemanasan global.

"Sebelum ini, puting beliung amat jarang berlaku di negara kita. Tetapi tahun lalu ia berlaku. Kemungkinan ia akan berulang atau sebaliknya tidak boleh diramalkan kerana Malaysia masih belum mempunyai kepakaran meramalkannya," katanya sempena sambutan Hari Meteorologi

Sedunia 2015, semalam.

Sehubungan itu, Che Gayah berkata, MetMalaysia berusaha membawa pakar dari Jepun untuk melatih pegawai cuaca tempatan mengenai kaedah terbaik membuat ramalan tentang puting beliung.

"MetMalaysia juga kemungkinan menghantar pegawai ke Amerika Syarikat yang mempunyai ramai pakar, pengalaman serta peralatan canggih berkaitan puting beliung," jelasnya.

Sambutan Hari Meteorologi Sedunia disambut setiap 23 Mac yang kali ini bertemakan 'Iklim: Pengetahuan Untuk Tindakan'.

Che Gayah berkata sempena sambutan itu, MetMalaysia akan melancarkan *myCuaca* iaitu aplikasi telefon pintar yang menyediakan ramalan dan amaran cuaca harian, gempa bumi dan tsunami serta imej terkini bagi satelit dan radar. - Bernama

Kepentingan memahami iklim dunia

Sambutan Hari Meteorologi Sedunia pupuk kesedaran mengenai perubahan iklim



PEGAWAI MetMalaysia berbincang mengenai data yang diterima untuk dianalisis di ibu pejabat jabatan tersebut di Petaling Jaya.


SAMA ada kita semakin celik dengan fenomena perubahan iklim atau kesedaran terhadap alam sekitar bertambah, masyarakat Malaysia sudah mula sibuk memperkatakan kejadian-kejadian yang dianggap luar biasa sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Kejadian tersebut lebih hangat diperkatakan apabila dikaitkan dengan bencana alam yang berlaku sama ada di dalam atau di luar negara.

Beberapa kejadian cuaca ekstrem yang pernah berlaku memberikan impak yang sangat besar ialah seperti Taufan Haiyan di Filipina pada 8 November 2013 yang telah mengorbankan lebih daripada 6,000 orang.


Taufan Katrina di New Orleans, Amerika Syarikat pada 29 Ogos 2005 telah menyebabkan banyak nyawa terkorban dan kerosakan harta benda. Banjir di Thailand pada Julai hingga Oktober 2011, banjir di Pakistan pada Julai hingga September 2010 dan suhu sejuk melampau di China pada Januari 2013 telah menyebabkan kerugian harta benda yang sangat besar kepada negara-negara berkenaan.

Di negara kita, beberapa kejadian cuaca ekstrem seperti suhu sejuk di



Kuala Krai, Kelantan dalam bulan Januari dan Februari 2014 dan cuaca panas pada awal dan pertengahan tahun telah menyebabkan beberapa negeri mengalami masalah kekurangan air dan jerebu.


Kejadian puting beliung di negeri Kedah pada Oktober 2014, banjir besar



SAMBUNGAN...

UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 09

TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)



IMEJ Satelit semasa banjir di Johor pada 7 Januari 2007

di Kelantan dan Pahang pada Disember 2014, banjir di Johor pada Disember 2006 dan Januari 2007 adalah antara bencana yang diakibatkan oleh gabungan faktor perubahan iklim, keragaman iklim dan perubahan monsun di negara kita.

Kejadian cuaca ekstrem ini telah menyebabkan negara mengalami kerugian besar setelah infrastruktur awam seperti jambatan, bangunan pejabat dan jalan raya mengalami kemusnahan atau kerosakan teruk. Di samping itu, kehilangan nyawa juga turut direkodkan.

Pengetahuan tentang iklim di sesebuah negara penting untuk merangka tindakan mitigasi dan adaptasi yang sesuai bagi menangani kesan perubahan cuaca dan keragaman cuaca.

Pengetahuan tentang iklim ini akan membantu sesebuah negara untuk merangka tindakan yang berkesan bagi menangani pelbagai bencana dan cuaca ekstrem yang berlaku.

Tindakan mitigasi dan adaptasi yang berkesan melalui pengetahuan tentang iklim di sesebuah negara amat diperlukan supaya pembangunan dan kesejahteraan dapat dinikmati.

Sebagai contoh, jika diunjurkan suhu akan meningkat dalam tempoh beberapa tahun akan datang, petani akan mengambil langkah untuk menanam tanaman yang lebih tahan kepada suhu panas.

Begitu juga jika diunjurkan akan berlaku pengurangan jumlah hujan di sesuatu kawasan, maka pihak pengurusan sumber air akan memikirkan langkah untuk menangani masalah tersebut.

Sebab itu, pengetahuan tentang iklim itu penting dan harus bermula daripada pengumpulan data-data dalam tempoh yang panjang.

Perubahan iklim akan memberikan impak yang signifikan terhadap banyak sektor seperti perladangan, kesihatan, sumber air, ekosistem dan sosio ekonomi masyarakat. Menurut laporan Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim (IPCC) Kelima, pemanasan global boleh menjejaskan sumber air bersih, kehidupan akuatik, kawasan persisiran pantai, keselamatan pengeluaran makanan, penempatan penduduk, industri, infrastruktur serta kesihatan, keselamatan, kehidupan dan kemiskinan penduduk dunia.

● **ARTIKEL** adalah sumbangan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

Sambutan Hari Meteorologi Sedunia

MUNGKIN ramai yang tidak menyedari bahawa 23 Mac setiap tahun adalah hari yang penting bagi semua warga meteorologi seluruh dunia sempena sambutan Hari Meteorologi Sedunia.

Sambutan Hari Meteorologi Sedunia sebenarnya telah diraikan sejak tahun 1950 sempena pembentukan Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO).

Pertubuhan Meteorologi Sedunia ialah sebuah badan induk yang dianggotai oleh 191 buah negara termasuk Malaysia, berperanan mengkoordinasi pemantauan dalam bidang sains meteorologi iaitu cuaca dan iklim, hidrologi dan geofizik.

Sambutan Hari Meteorologi Sedunia mempunyai tema yang berbeza setiap tahun dan akan ditentukan oleh pertubuhan berkenaan.

Tema tahun ini iaitu *Iklim: Pengetahuan untuk Tindakan* amat sesuai memandangkan dunia berhadapan dengan pelbagai cuaca ekstrem yang disebabkan oleh pemanasan global.

Pemanasan global ini sering dikaitkan dengan perubahan cuaca yang telah menyebabkan pelbagai bencana berlaku di merata dunia.

Berdasarkan sejarah, Jabatan Perkhidmatan Kaji cuaca Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1968 merupakan sebuah agensi yang pada mulanya di bawah Kementerian Pengangkutan.

Kemudian telah ditukar ke Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (MOSTE) pada tahun 1984 yang kini dikenali sebagai Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Mulai Ogos 2013, jabatan dikenali sebagai MetMalaysia seiring dengan perubahan zaman dan perluasan fungsi bukan terhad kepada pemantau cuaca dan keadaan laut tetapi mencakupi pemantauan aktiviti gempa bumi dan tsunami.

MetMalaysia merupakan sebuah agensi kerajaan yang berperanan dalam memantau secara berterusan keadaan cuaca dan laut di perairan negara serta mengeluarkan ramalan, nasihat dan amaran berkaitan cuaca buruk.

Selain itu, jabatan juga berperanan dalam memantau aktiviti gempa bumi dan tsunami.

Peranan jabatan dalam memantau aktiviti gempa bumi dan tsunami semakin diketahui dan penting setelah kejadian gempa bumi yang menyebabkan tsunami di Aceh pada 26 Disember 2004. Kedua-dua peranan ini dijalankan oleh Pusat Cuaca Nasional dan Pusat Gempa dan Tsunami Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia, Petaling Jaya



OPERASI pembenihan awan yang dijalankan oleh MetMalaysia.

dan beroperasi 24 jam setiap hari.

Selain itu, jabatan melalui Bahagian Sains Atmosfera dan Pembenihan Awan sering menjalankan operasi pembenihan awan bagi tujuan meningkatkan paras air empangan, mengurangkan kesan jerebu dan keperluan pertanian.

Di samping itu, bahagian ini juga memainkan peranan penting dalam memantau kualiti udara, kandungan aerosol, profil ozon dan *particulate matter less than 10 micron (PM10)* melalui 23 rangkaian stesen pencemaran udara dan tiga stesen *Global Atmospheric Watch (GAW)* di Lembah Danum, Cameron Highlands dan Petaling Jaya.

Peranan jabatan seterusnya adalah untuk membekalkan dokumen penerbangan yang berlepas dari mana-mana lapangan terbang di Malaysia.

Perkhidmatan ini diberikan oleh Pejabat Meteorologi Penerbangan Nasional (PMPN) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan dibantu oleh pejabat negeri yang terletak di semua lapangan terbang di negara ini.

Pusat Iklim Nasional jabatan pula berperanan untuk mengumpul, menyimpan dan membekalkan data meteorologi.

Pusat ini juga berperanan untuk memastikan data yang disimpan telah melalui proses semakan sebelum diarkib.

Selain tu, pusat ini juga berperanan dalam memantau keadaan cuaca kering di negara ini dengan mengeluarkan *Fire Danger Rating System (FDRS)* yang dipaparkan di laman web rasmi jabatan www.met.gov.my.

Fakta

METMALAYSIA KINI MEMPUNYAI

- 12 rangkaian stesen radar cuaca satu di Alor Setar, Butterworth, Subang, KLIA, Kota Bharu, Kuantan, Kluang, Kuching, Bintulu, Miri, Kota Kinabalu dan Sandakan.
- Dua stesen penerima satelit bumi yang mampu menerima imej satelit daripada *Geostationary* dan *Polar Orbiting Satellites*. Kedua-duanya terletak di Ibu Pejabat Petaling Jaya, Selangor.
- Mempunyai 44 stesen penceraian meteorologi permukaan dan 490 buah stesen auxilari termasuk 140 stesen cuaca automatik untuk mencerap data meteorologi di permukaan.
- Lapan buah stesen udara atas yang berperanan mencerap keadaan atmosfera seperti arah dan halaju angin, suhu, kelembapan relatif dan sebagainya sehingga ke ketinggian mencecah 41,000 kaki dari permukaan bumi.
- 44 buah stesen seismik jenis *weak and strong motion* ditempatkan di seluruh negara bagi mengesan intensiti, lokasi dan kedalaman setiap kejadian gempa bumi di dalam dan luar negara.
- Mempunyai 18 buah kamera pantai dan 53 buah siren amaran tsunami yang ditempatkan di pantai di seluruh negara bagi memantau dan penyebaran amaran tsunami.
- Pemantauan aktiviti cuaca, gempa bumi dan tsunami dilakukan oleh Pusat Pelbagai Bencana yang terletak di Ibu pejabat di Petaling Jaya.
- Pusat tersebut sentiasa beroperasi setiap masa dan pegawai bertugas secara giliran seramai kira-kira 10 orang setiap syif.

Semua negeri kecuali Sabah hujan April

» Peralihan angin monsun tingkat pembentukan awan, rendahkan suhu

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan
fhatihah@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Semua negeri di seluruh negara ini kecuali Sabah, dijangka mengalami hujan pada kadar taburan sekitar 150 hingga 200 milimeter (mm) mulai bulan depan.

Keadaan itu berikutan peralihan Monsun Timur Laut ke Barat Daya, yang meningkatkan pembentukan awan Kumulonimbus, sekali gus membantu merendahkan suhu.

Pegawai Meteorologi Kanan di Pusat Cuaca Nasional, Dr Mohd Hisham Mohd Anip, berkata kebanyakan negeri di Semenanjung, mula mengalami hujan sejak berlakunya peralihan angin monsun sejak beberapa hari lalu kecuali di Kedah, Perlis dan Pantai Timur.

"Berdasarkan kajian modul berkomputer jabatan, hujan dijangka melanda kebanyakan kawasan, khususnya di Pantai Barat Semenanjung mulai minggu terakhir bulan ini.

Sabah hanya hujan mulai Mei

"Ia termasuk di Sarawak. Bagaimanapun, Sabah hanya akan mengalami hujan mulai Mei," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Mohd Hisham berkata, walaupun belum menerima hujan, Kedah, Perlis dan kawasan Pantai Timur dijangka menerima hujan lebih banyak pada April ini.

Beliau berkata, kawasan

Utara Semenanjung yang merekodkan taburan hujan bulanan kurang daripada 100 mm bulan ini, dijangka meningkat kepada lebih 150 mm bulan depan, manakala di sebelah Pantai Barat dijangka merekodkan peningkatan taburan melebihi 200 mm untuk tempoh sama.

"Cuaca akan lebih lembap pada kebanyakan tempat di Semenanjung. Kami turut menjangkakan paras empangan di kawasan masing-masing akan meningkat," katanya yang turut mengambil kira faktor cuaca lazim itu berlaku setiap tahun.

Mengulas suhu tertinggi di Chuping, Perlis iaitu 37 darjah Celsius pada jam 2 petang kelmarin, Mohd Hisham berkata, kadar itu tidak akan meningkat secara mendadak seperti yang dialami pada 1998, iaitu 41 darjah Celsius berikutan faktor peralihan monsun ketika ini.

"Kadar suhu di Chuping kel-



“
Berdasarkan kajian modul berkomputer jabatan, hujan dijangka melanda kebanyakan kawasan, khususnya di Pantai Barat Semenanjung mulai minggu terakhir bulan ini”

Mohd Hisham Mohd Anip,
Pegawai Meteorologi Kanan
Pusat Cuaca Nasional

marin tidak mungkin meningkat seperti dialami pada 1998, ketika itu ia berlaku ekoran pengaruh fenomena El Nino yang menyebabkan tiada hujan, cuaca sangat kering dan panas," katanya.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (FAMILI) : MUKA SURAT 10
TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)

Didik masyarakat utamakan budaya kualiti

» Pengguna jangan pilih murah
saja, teliti label dan status, pastikan
produk dibeli selamat

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Alah membeli, menag memakai. Umumnya, masyarakat meramalkan harga yang mahal lebih menjanjikan kualiti, menandakan ia produk bermutu dan menampilkan kelas tersendiri. Bagaimanapun, perkara itu bergantung kuasa beli pengguna kerana kebiasaannya pembelian dibuat mengikut pendapatan, status diri, kualiti dan jenama sesuatu produk.

Ini kerana setiap produk itu mempunyai kelompok pembeli dan cita rasa berbeza, sekali gus memberikan perbandingan serta lebih banyak pilihan kepada pengguna.

“Pengguna bijak juga akan menyemak label daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi produk yang sepatutnya bagi memastikan mereka menggunakan produk yang selamat”

Fadilah Baharin,
Ketua Pengarah,
Jabatan Standard
Malaysia



Fadilah menunjukkan antara garis panduan yang dihasilkan Jabatan Standard Malaysia.



Apa yang nyata, pada masa kini terdapat banyak produk kecantikan dan fesyen seperti kosmetik, pakaian, peralatan rumah yang kebanyakannya tertumpu kepada pengguna wanita.

Ini mungkin terdapat tanggapan, golongan hawa sangat menitik beratkan penampilan diri, cewet dan tidak kisah untuk berbelanja lebih asalkan ia memberi kepuasan.

Bagaimanapun, dalam keghairahan memiliki produk diingini, ramai alpa untuk memeriksa label, kualiti, atau status produk sekali gus gagal memastikan ia selamat serta diluluskan badan berwaji.

Pengguna suka produk murah
Ketua Pengarah, Jabatan Standard Malaysia (Standard Malaysia), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Fadilah Baharin, berkata pihaknya bertanggungjawab menyediakan standard kebangsaan.

Dibangunkan sejak tahun 1996, Standard Malaysia menjalankan peranan berkanun dalam standardisasi dan akreditasi menerusi Standard Malaysia 1996 (Akta 549).

Fadilah berkata, pada masa sama pihaknya berdepan cabaran untuk mendidik masyarakat supaya membudayakan kualiti sebelum melakukan pembelian.

“Perkara ini sukar terutama di luar Kuala Lumpur, kerana pengguna lebih gemar memilih produk murah tanpa memikirkan mengenai kualiti mahupun, status halal yang hanya dikeluarkan badan diiktiraf.”

“Selain mengutamakan barangan murah, pengguna tidak biasa memeriksa kualiti, logo dan pengeuar. Asalkan barang itu berfungsi dengan baik, lazimnya akan dibeli pengguna terbabit,” katanya pada temu bual bersama FAMILI.

Semak logo

Berbanding yang prihatin mengenai budaya kualiti, mereka lazimnya akan menyemak logo pengiktirafan daripada badan bertanggungjawab mengeluarkannya.

“Misalnya, pengguna akan mengenal pasti logo halal keluaran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), logo Analisis Bahaya dan Pengendalian Titik Kritis (HACCP) bagi maka-



Teliti jaminan kualiti daripada badan diiktiraf.

nan proses.

“Pengguna bijak juga akan menyemak label daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi produk yang sepatutnya bagi memastikan mereka menggunakan produk yang selamat,” katanya.

Fadilah turut berpendapat, budaya kualiti harus diwujudkan di sekolah, dipraktikkan guru dan dilakukan golongan dewasa.

“Misalnya budaya kualiti wajar diterapkan kepada golongan kanak-kanak kerana mereka mudah belajar dan boleh meneladani contoh yang ditunjukkan ibu bapa atau guru.

“Ini boleh dipraktikkan melalui melihat dulu barang yang mahu dibeli atau memastikan sesuatu barangan itu ada kelulusan. Ini boleh memastikan produk yang ingin dibeli mempunyai kualiti,” katanya.

Pentingnya prosedur

Beliau memegang jawatan Ketua Pengarah Standard Malaysia sejak tahun 2006, mengakui cabaran berat membentuk budaya kualiti dalam masyarakat ketika membeli, apatah lagi hal ini tidak begitu diberikan perhatian dalam kalangan masyarakat di Malaysia, sebelum ini.

“Jabatan ini membangunkan standard merangkumi pelbagai sektor supaya pawaian mematuhi standard antarabangsa selain membantu syarikat pedagang mematuhi pawaian berkenaan.

“Standard ini penting kerana apabila kualiti produk dan perkhidmatan berada pada tahap tinggi, kita dapat memenuhi keyaki-

nan pengguna selain membolehkan agensi kerajaan dan penguat kuasa mengikut garis panduan tetap,” katanya.

Fadilah berkata, prosedur itu penting kerana standard mempunyai hubungan kait dengan elemen keselamatan yang diselia Kementerian berkaitan selain menyamai piawaian antarabangsa.

“Di sini terletak cabaran apabila tidak semua tahu siapa yang membangunkan standard dan akreditasi. Kita dapat umpamakan Standard Malaysia ini lebih popular di luar negara berbanding dalam negara,” katanya.

Produk diuji sebelum dipasarkan

Katanya, dengan adanya Standard Malaysia, keyakinan pengguna meningkat berikutan setiap produk yang akan dipasarkan melalui proses penilaian dan piawaian daripada agensi diiktiraf sebelum dijual di pasaran dalam dan luar negara.

Ini menjamin produk kosmetik dan produk dandanan diri halal kerana mereka tahu proses pembuatan dan kelulusan produk sangat rumit, sekali gus menjamin kualitinya.

“Masyarakat termasuk bukan Islam juga mula memilih produk halal kerana mereka tahu proses pembuatan dan kelulusan produk sangat rumit, sekali gus menjamin kualitinya.

“Keadaan ini juga menghindari kemudaratn terhadap pengguna kerana bahan kosmetik itu menggunakan sumber halal dan tidak memberi kesan buruk,” katanya.

Penerokaan teknologi angkasa: Acuan Malaysia

ANGKASA menawarkan ruang yang luas untuk membuat penerokaan secara saintifik. Keupayaan menguasai ruang angkasa adalah sejajar dengan keupayaan menjaga kedaulatan bagi sesebuah negara. Dari perspektif Islam, penerokaan angkasa disebut dalam Surah Ar-Rahman ayat 33 yang bermaksud: "*Wahai sekalian jin dan manusia, kalau kamu dapat menembus keluar dari kawasan-kawasan langit dan bumi (untuk melarikan diri dari kekuasaan Kami), maka cubalah kamu menembus keluar. Kamu tidak akan dapat menembus keluar melainkan dengan satu kekuasaan (yang mengatasi kekuasaan Kami; masakan dapat).*"

Dari sudut sejarah pula, Ibnu Firas ialah orang terawal memperkenalkan konsep penerbangan menggunakan prinsip kekap sayap seperti burung. Percubaan beliau yang pertama menggunakan alat ciptaannya pada tahun 852 di sebuah menara masjid di Cordoba.

Percubaan pertamanya ini gagal tetapi beliau terselamat kerana menggunakan baju keselamatan atau kini dikenali sebagai payung terjun. Usaha beliau tidak terhenti di situ. Ketika berusia 65 tahun iaitu sekitar tahun 875 beliau melakukan percubaan terakhir bagi membuktikan kebenaran teori penerbangannya. Percubaan itu dilakukan di Jabal Al-Arus di Cordoba dengan disaksikan oleh segelintir pemerhati yang beranggapan Ibnu Firas kurang waras. Kali ini beliau gagal membuat pendaratan yang sempurna dan mengalami kecederaan parah. Ibnu Firas meninggal dunia 12 tahun kemudian.

Seorang sejarawan Philip K. Hitti di dalam bukunya *History of the Arabs* telah mencatatkan, "*Ibnu Firas was the first man in history to make a scientific attempt at flying.*" Sebagai penghormatan terhadap usaha-usaha Ibnu Firas, *National Aeronautics and Space Administration* (NASA) di Amerika Syarikat menamakan sebuah kawah di bulan - Ibnu Firas Crater iaitu bersempena nama tokoh Islam ini. Sebuah lapangan terbang di utara Baghdad turut dinamakan *Ibnu Firas Airport*.



PANDANGAN IKIM
NOR AZARUDDIN
HUSNI NURUDDIN

Usaha-usaha penerokaan teknologi angkasa ini seterusnya dikembangkan dengan kejayaan Hezarfen Ahmad Celebi di Turki. Beliau berjaya menyeberangi selat Bosphorus di Istanbul menggunakan pesawat buatannya sendiri sejauh kira-kira tiga kilometer dan berjaya mendarat dengan selamatnya.

Kini penerokaan teknologi aeroangkasa diteruskan melibatkan kewangan yang besar dan memakan masa yang panjang. Negara-negara maju mengambil masa sekurang-kurangnya 50 tahun untuk mencapai tahap sekarang ini.

Malaysia juga tidak ketinggalan dalam penerokaan bidang ini. Sebagai langkah awal penerokaan bidang aeroangkasa mengikut acuan Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad, bekas Perdana Menteri telah meletakkan batu asas dengan menganjurkan Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) yang pertama pada 1994.

Pada mulanya pameran ini menjadi medan pameran pesawat-pesawat ringan tetapi kini telah berubah jauh menjadi platform terbaik bagi pengeluaran dan industri berkaitan bidang aeroangkasa dan maritim mempromosikan teknologi terkini masing-masing.

Apa yang menariknya, LIMA ke-13 yang baru berlangsung dari 17 hingga 21 Mac lalu berjaya menarik perhatian antarabangsa yang sekali gus menggambarkan hala tuju dasar luar Malaysia. Sebagai Pengerusi ASEAN 2015, LIMA turut dijadikan *venue* bagi Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ADMM), Forum Perniagaan ASEAN, Sidang Kemuncak Penerbangan ASEAN, Himpunan Belia ASEAN dan lain-lain lagi.

Dunia kini melihat kemampuan Malaysia untuk muncul sebagai sebuah negara industri aeroangkasa menerusi Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030.

Penganjuran LIMA telah melon-



KETUA Pengarah Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) Dr. Noordin Ahmad, melihat alam cakerawala menggunakan teleskop di Planetarium Negara, Jalan Perdana, Kuala Lumpur, baru-baru ini. - GAMBAR HIASAN

jakkan nama Malaysia di persada antarabangsa. Sebuah negara yang kecil mampu menarik minat pemain-pemain industri aeroangkasa dan maritim untuk turut serta dalam pameran ini. Banyak perpindahan teknologi dalam bentuk usahasama yang berlaku sepanjang penganjurannya.

Tetapi apa yang lebih penting, LIMA memberi ruang kepada rakyat Malaysia khususnya generasi akan datang untuk mengenali apakah itu teknologi aeroangkasa.

Di sini akan bermulanya bibit-bibit minat belia dan pelajar mendalam ilmu cakerawala dan seterusnya menyokong hasrat negara melahirkan lebih ramai saintis dan pakar dalam bidang berkenaan.

Kehadiran belia dan pelajar sekolah seharusnya diberi keutamaan dan disusun atur cara yang menarik untuk mereka agar dapat memanfaatkan penganjuran acara yang

cukup berprestij dan dinanti-nantikan saban tahun ini.

Penguasaan teknologi akan dapat mengangkat maruah sesebuah negara seterusnya menggetarkan musuh-musuh kita.

"Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang mencero) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan daripada pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain daripada mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu dan kamu tidak akan dianiaya." (Al-Anfaal:60)

PENULIS ialah Felo Kanan, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).